isentia
AUTHOR: No author available SECTION: TEMPATAN PAGE: 6 PRINTED SIZE: 167.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 972.00 ITEM ID: MY0071453511



08 OCT, 2026

Pusat Malaria WHO satu pencapaian penting buat Sabah

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Pusat Malaria WHO satu pencapaian penting buat Sabah

KETUA Menteri Datuk Seri Hajiji Noor menyifatkan pembukaan Pusat Kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Malaria Zoonotik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai satu pencapaian penting untuk Sabah.

"Penetapan ini mengiktiraf kepakaran dan sumbangan UMS dalam penyelidikan malaria, khususnya kajian berkaitan Plasmodium knowlesi.

"Ini merupakan pencapaian yang bukan sahaja membawa pengiktirafan kepada UMS, tetapi juga kepada Sabah dan Malaysia," katanya ketika merasmikan majlis pembukaan pusat berkenaan di Galeri Acara, Bangunan Canselori UMS pada 28 September lalu.

Ucapan beliau dibacakan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Ceasar Mandela Malakun.

Hajiji berkata Malaysia telah mencapai kemajuan besar dalam kawalan dan pembasmian malaria, termasuk menghentikan penularan tempatan parasit malaria manusia.

"Namun Plasmodium knowlesi memberikan cabaran yang berbeza. Penularannya melibatkan interaksi kompleks antara manusia, kera, nyamuk dan alam sekitar.

"Cabaran ini amat relevan kepada Sabah. Kepelbagaian biologi kita yang kaya serta interaksi rapat antara masyarakat, hidupan liar dan persekitaran hutan bermakna kita perlu melihat lebih jauh daripada pendekatan tradisional dalam kawalan malaria," katanya.

Hajiji berkata usaha menangani malaria zoonotik memerlukan pengawasan, penyelidikan dan kawalan vektor di samping pemahaman terhadap perubahan hidupan liar dan alam sekitar.

"Lebih penting lagi ia memerlukan kerjasama merentasi pelbagai sektor. Di sinilah pendekatan One Health amat penting.

"Sebagai Pro-Canselor UMS saya berbangga penubuhan pusat ini menghimpunkan kekuatan UMS, WHO, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Sabah serta rakan kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Kita mesti memastikan hasil penyelidikan diterjemahkan kepada penyelesaian praktikal dan tindakan kesihatan awam di samping melabur dalam penyelidik muda serta profesional kesihatan yang akan meneruskan usaha ini," katanya.

Hajiji berkata Kerajaan Sabah amat menyokong inisiatif yang memajukan penyelidikan, inovasi dan kerjasama antarabangsa.

"Pusat ini menunjukkan bagaimana sebuah institusi berasaskan Sabah mampu menyumbang kepada agenda kesihatan awam antarabangsa. Ia juga boleh membantu meletakkan Sabah sebagai platform serantau bagi kerjasama dalam bidang malaria zoonotik dan One Health.

"Pengalaman Sabah boleh menjadi pengajaran kepada negara-negara lain yang berdepan cabaran serupa, sama seperti kita boleh belajar daripada rakan serantau dan antarabangsa. Pertukaran ilmu dan kepakaran ini akan mengukuhkan kita semua," katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada UMS, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Pusat Penyelidikan Perubatan dan Kesihatan Borneo atas pencapaian berkenaan.

"Tahniah dan syabas!" katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: TEMPATAN PAGE: 6 PRINTED SIZE: 167.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 972.00 ITEM ID: MY0071453511



08 OCT, 2026

Pusat Malaria WHO satu pencapaian penting buat Sabah

Harian Ekspres (KK), Malaysia

SUMMARIES

KETUA Menteri Datuk Seri Hajiji Noor menyi, fatkan pembukaan Pusat Kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Malaria Zoonotik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai satu pencapaian penting untuk Sabah. “Penetapan ini mengiktiraf kepakaran dan sumbangan UMS dalam penycl(dikan malaria, khususnya kajian berkajtan Plasmodium knowlesi.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.